



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021
DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PENUTUPAN PENUH
(TOTAL LOCKDOWN) FASA PERTAMA SELURUH NEGARA

A. KEHADIRAN BERTUGAS KE SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN/JPN/PPD

1. **Adakah pegawai dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru perlu hadir untuk memastikan pejabat sekolah/institusi pendidikan/JPN/PPD beroperasi dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak. Walau bagaimanapun, kehadiran ke pejabat hanya dibenarkan bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara Bekerja Dari Rumah (BDR) dengan tidak melebihi 20 peratus kehadiran keseluruhan bagi tujuan berikut:

- a) penyediaan kertas/dokumen melibatkan Jemaah Menteri;
- b) pembayaran/kontrak/invois/gaji;
- c) pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem dan mesyuarat dalam talian; atau
- d) penyelenggaraan/keselamatan premis.

Kehadiran tersebut hendaklah mematuhi tatacara berikut:

- a) penggiliran kakitangan bagi tempoh maksimum empat (4) jam;
- b) kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja; dan
- c) pematuhan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/2020-Dasar Bekerja Dari Rumah (PP 5/2020).

2. **Adakah guru/pensyarah boleh hadir ke sekolah/institusi pendidikan dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak.

3. **Adakah Pengetua/Guru Besar (PGB)/Pengarah Institut Pendidikan Guru (IPG)/Pengarah Kolej Matrikulasi (KM)/ Pengarah Kolej Vokasional (KV) perlu hadir bertugas sepenuh masa dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak. Walau bagaimanapun, kehadiran PGB/Pengarah adalah untuk mengurus dan menyelesaikan urusan kewangan, keselamatan dan kebersihan. PGB/Pengarah boleh merancang penggiliran dengan Guru Penolong Kanan/Timbangan Pengarah mengikut kesesuaian skop tugas yang dijalankan.

4. **Adakah pegawai/Anggota Perkhidmatan Bukan Guru yang BDR dibenarkan membawa pulang dokumen bagi mengelakkan tugas tertangguh?**

Ya, dengan mematuhi ketetapan berikut:

- a) mengurus dokumen berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri;
- b) menjaga keselamatan dan kerahsiaan dokumen Kerajaan;
- c) memastikan semua dokumen Kerajaan sama ada dalam bentuk salinan cetak dan salinan elektronik disimpan dengan sempurna dan diletakkan di tempat yang selamat; dan
- d) mematuhi kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Arahan Keselamatan dan apa-apa peraturan, pekeliling, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

5. **Adakah pegawai/Anggota Perkhidmatan Bukan Guru yang BDR boleh hadir ke pejabat/sekolah/institusi pendidikan jika menghadapi kesukaran capaian internet di rumah dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak.

6. **Adakah pegawai/Anggota Perkhidmatan Bukan Guru boleh memohon cuti rehat semasa tempoh BDR?**

Ya. Tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

7. **Adakah pegawai/Anggota Perkhidmatan Bukan Guru boleh melakukan sebarang urusan peribadi dalam waktu kerja BDR?**

Tidak. Perkara ini tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2020 - Dasar Bekerja Dari Rumah. Tindakan tatatertib boleh dikenakan sekiranya pekeliling ini tidak dipatuhi.

8. **Adakah mesyuarat/perbincangan secara bersemuka boleh dilaksanakan?**

Tidak. Semua mesyuarat/perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan.

9. **Adakah perkhidmatan kaunter dibuka dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak. Segala urusan perkhidmatan kaunter adalah melalui perkhidmatan dalam talian.

10. **Adakah sesi bimbingan dan pemantauan secara bersemuka boleh dilaksanakan dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak. Pelaksanaan sesi ini dijalankan secara dalam talian sepenuhnya.

11. **Adakah pegawai/Anggota Perkhidmatan Bukan Guru boleh memohon pelepasan bertugas secara sukarela dalam organisasi beruniform seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) atau Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Ya, dengan kebenaran Ketua Jabatan dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

B. PENGURUSAN KONTRAK PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK), PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK) DAN PERKHIDMATAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK (BMB)

12. **Adakah pengawal keselamatan perlu bertugas di premis di bawah KPM?**

Ya, dengan bilangan pengawal yang ditetapkan dalam kontrak dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN. Skop perkhidmatan dan waktu bertugas adalah mengikut terma dan syarat kontrak.

13. **Adakah pekerja kebersihan perlu bertugas di premis di bawah KPM?**

Ya, berdasarkan nisbah 60 peratus daripada jumlah pekerja yang dinyatakan dalam dokumen kontrak. Skop perkhidmatan adalah berdasarkan keperluan semasa dengan persetujuan pentadbir premis dan kontraktor.

14. Adakah pekerja dewan makan perlu bertugas di sekolah/institusi pendidikan?

Ya, mereka mula bertugas dua (2) hari sebelum murid dibenarkan kembali ke asrama. Skop perkhidmatan dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dalam dokumen kontrak.

15. Bagaimana bayaran kontrak KBK bagi perkhidmatan yang dilaksanakan?

Bayaran akan dibuat mengikut bilangan pekerja kebersihan yang hadir dan skop perkhidmatan dilaksanakan pada hari tersebut.

16. Apakah tanggungjawab syarikat/kontraktor KBK, PKK dan BMB dalam melaksanakan perkhidmatan?

Syarikat/kontraktor perlu memastikan:

- a) pekerja mengimbas kod MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon setiap kali masuk ke premis;
- b) pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C tidak dibenarkan memasuki premis;
- c) pekerja yang tidak sihat atau bergejala tidak datang bekerja dan perlu menjalani pemeriksaan kesihatan;
- d) pekerja yang dikenal pasti sebagai kontak rapat tidak dibenarkan hadir bertugas dan perlu menjalani kuarantin yang ditetapkan oleh pihak berkuasa; dan
- e) pekerja segera pulang ke rumah selepas selesai waktu bertugas bagi mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan.

17. Adakah pengawal keselamatan/pekerja kebersihan/pekerja dewan makan yang dikuarantin perlu diganti?

Ya. Pekerja gantian perlu sihat dan tidak bergejala.

18. **Siapakah yang akan mengeluarkan surat kebenaran merentas negeri/daerah bagi pekerja kebersihan/pekerja dewan makan yang tinggal di luar negeri/daerah?**

Surat kebenaran dikeluarkan oleh JPN/PPD/institusi pendidikan.

19. **Adakah pengawal keselamatan dan pekerja kebersihan yang tinggal dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) boleh hadir bertugas di premis bawah KPM yang berada di luar kawasan PKPD?**

Tidak. Majikan perlu memaklumkan hal ini kepada sekolah dan PPD/JPN dan mendapatkan pekerja gantian.

20. **Adakah pengawal keselamatan dan pekerja kebersihan boleh hadir bertugas ke premis bawah KPM yang berada dalam kawasan PKPD?**

Tidak.

21. **Adakah perkhidmatan KBK boleh dilaksanakan di premis bawah KPM yang dijadikan sebagai pusat kuarantin dan penempatan yang diselia oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)?**

Tidak.

22. **Adakah kontraktor perlu membuat pembayaran bagi sewa kantin dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak. Kontraktor kantin diberi pengecualian pembayaran sewa sehingga akhir Jun 2021.

C. PENGURUSAN PdP DI KOLEJ VOKASIONAL

23. Adakah pelaksanaan *On-The-Job Training* (OJT) yang sedang dilalui oleh pelajar Kolej Vokasional (KV) diteruskan dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?

Ya. Pelajar perlu meneruskan OJT mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPM dan SOP MKN mengenai *total lockdown* fasa pertama.

24. Adakah pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) pelajar di industri diteruskan?

Tidak. SLDN ditangguhkan sehingga pemakluman baharu dikeluarkan oleh KPM dan Badan Pentauliahan.

D. PENGURUSAN INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA (IPS)

25. Adakah Sekolah Antarabangsa dan Sekolah Ekspatriat akan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?

Ya.

26. Adakah murid yang menduduki peperiksaan antarabangsa dibenarkan hadir secara bersemuka ke IPS semasa tempoh *total lockdown* fasa pertama?

Ya.

27. Adakah murid yang menduduki peperiksaan antarabangsa perlu mendapat kebenaran merentas negeri/daerah sekiranya IPS berada dalam negeri/daerah lain?

Ya. KPM akan mengeluarkan surat pengesahan murid menduduki peperiksaan antarabangsa. IPS juga akan

mengeluarkan surat arahan menghadiri peperiksaan kepada murid berserta jadual dan slip peperiksaan yang berkenaan. Murid perlu mendapatkan kebenaran balai polis berhampiran untuk merentas negeri/daerah.

28. **Adakah guru yang bertugas dalam pengurusan peperiksaan antarabangsa perlu mendapat kebenaran merentas negeri/daerah sekiranya IPS berada dalam negeri/daerah lain?**

Ya. KPM akan mengeluarkan surat pengesahan guru yang bertugas dalam pengurusan peperiksaan antarabangsa. IPS juga akan mengeluarkan surat arahan bertugas kepada guru berkenaan. Guru perlu mendapatkan kebenaran balai polis berhampiran untuk merentas negeri/daerah.

29. **Adakah guru boleh hadir ke IPS dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak, kecuali guru yang mengajar di tadika swasta, tadika di sekolah swasta, tadika di sekolah antarabangsa, tadika di sekolah ekspatriat dan pusat perkembangan minda untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun yang ibu bapa/penjaga mereka adalah dalam kalangan petugas barisan hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu. Kehadiran guru adalah dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

30. **Adakah pihak pengurusan dan kakitangan dibenarkan hadir ke IPS dalam tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak, kecuali mereka yang terlibat dalam perkhidmatan perlu seperti pengurusan kewangan, keselamatan, kebersihan dan sajian makanan di asrama. Kehadiran adalah mematuhi SOP MKN yang ditetapkan. KPM akan mengeluarkan surat pengesahan kakitangan yang terlibat dan IPS akan mengeluarkan surat arahan bertugas.

31. **Adakah tadika swasta, tadika di sekolah swasta, tadika di sekolah antarabangsa, tadika di sekolah ekspatriat dan pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh *total lockdown* fasa pertama?**

Tidak dibenarkan beroperasi, kecuali tadika swasta, tadika di sekolah swasta, tadika di sekolah antarabangsa, tadika di sekolah ekspatriat dan pusat perkembangan minda untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun di mana kedua-dua ibu bapa/penjaga merupakan petugas barisan hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu.

E. PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) DAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) KEMASUKAN JUN 2021

32. **Bagaimanakah kaedah pelaksanaan praktikum pelajar IPG?**

Pelajar melaksanakan praktikum secara dalam talian sepenuhnya sehingga pemakluman baharu dibuat oleh KPM.

33. **Bagaimanakah kaedah pendaftaran pelajar baharu kemasukan Jun 2021?**

Pendaftaran pelajar baharu kemasukan Jun 2021 akan dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.

34. **Bagaimanakah kaedah pelaksanaan PdP pelajar baharu kemasukan Jun 2021?**

PdP dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.

F. PENGURUSAN PENDAFTARAN MURID BAHARU KE SEKOLAH KHUSUS

35. Bilakah keputusan rayuan kemasukan ke sekolah khusus boleh disemak?

Keputusan rayuan akan diumumkan pada 8 Jun 2021 dan boleh disemak melalui laman sesawang KPM di pautan berikut:

- a) Tingkatan 1: <https://spskt1.moe.gov.my/>
- b) Tingkatan 4: <https://spskt4.moe.gov.my/>

- TAMAT -